



Kenyataan Media

CYBERJAYA

25 Februari 2023

MCMC SAMBUT BAIK BELANJAWAN 2023 DAN MANDAT MENTERI UNTUK BERI KEUTAMAAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN INTERNET DAN PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menyambut baik mandat Menteri Komunikasi dan Digital, YB Fahmi Fadzil yang akan mengutamakan kemudahan Internet untuk rakyat dan merealisasikan Dekad Keemasan Ekonomi Digital susulan pembentangan Belanjawan 2023 pada Jumaat. Belanjawan 2023 yang bertemakan ‘Membangun Malaysia MADANI’, mencerminkan prinsip pertanggungjawaban dan sistem nilai yang luhur yang mampu mendepani tantangan semasa termasuk tantangan ekonomi global yang sarat dengan ketidaktentuan.

MCMC akan terus komited dalam memperkasakan kesalinghubungan serta mengukuhkan ekosistem digital negara merentasi sektor industri dan rakyat Malaysia yang merangkumi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), pelaksanaan 5G, inisiatif capaian Internet di Program Perumahan Rakyat (PPR), pemeriksaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui Pusat Ekonomi Digital (PEDi), peruntukan Skim Geran Pendigitalan PKS dan usaha membanteras scam menerusi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC).

Inisiatif JENDELA telah dibangunkan untuk meningkatkan secara berterusan liputan kesalinghubungan dan penyediaan perkhidmatan Internet yang berkualiti untuk manfaat rakyat, sektor perniagaan dan juga pihak berkepentingan. Menjelang hujung 2025, JENDELA beraspirasi untuk memperluaskan akses Gigabit bagi jalur lebar talian tetap kepada sembilan (9) juta premis, 100% kawasan berpenduduk mendapat liputan Internet dan mencapai purata kelajuan jalur lebar mudah alih pada 100Mbps.

Sementara itu, JENDELA Fasa 2 (2023-2025) akan memberi tumpuan dalam penyediaan liputan Internet bagi baki tiga peratus (3%) kawasan berpenduduk, memperluaskan akses Gigabit bagi jalur lebar talian tetap kepada sembilan (9) juta premis di seluruh negara. Bagi tahun 2023, sejumlah RM725 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan ketersambungan digital di 47 kawasan perindustrian dan hampir 3,700 buah sekolah.

Pelaksanaan 5G yang telah diawalkan pada penghujung 2021 sedang dilaksanakan oleh Digital Nasional Berhad (DNB). Usaha pembangunan rangkaian 5G ini sedang giat dijalankan di seluruh negara, dan telah melepassi sasaran awal iaitu 50% liputan kawasan berpenduduk pada akhir tahun

2022. Menjelang hujung tahun 2023, sasaran bagi liputan rangkaian 5G adalah 80% kawasan berpenduduk.

Dalam usaha menyediakan capaian Internet kepada kawasan komuniti, sebanyak 40 ribu unit Program Perumahan Rakyat (PPR) disasarkan akan mendapat kemudahan Internet pada tahun ini.

PEDi yang tertumpu di kawasan luar bandar dan pedalaman menawarkan perkhidmatan capaian Internet, program latihan ICT dan bertindak sebagai pusat transformasi dan pemangkin ekonomi digital kepada usahawan menerusi bantuan pendigitalan dan fasiliti-fasiliti kepada komuniti setempat. Peniaga kecil akan diperkasakan dengan pengetahuan ICT dan e-Dagang menerusi PEDi. Bagi tahun ini, MCMC menyasarkan untuk menyediakan kemudahan PEDi sekurang-kurangnya satu (1) PEDi di setiap kawasan DUN.

Geran Pendigitalan PKS bernilai RM100 juta telah disediakan untuk membantu PKS dan penaja kecil untuk menyokong aktiviti automasi dan pendigitalan perniagaan. Geran padanan sehingga RM5,000 akan dibayar kepada PKS yang melanggan aplikasi pendigitalan perniagaan seperti sistem jualan POS, perakaunan atau pengurusan inventori. Inisiatif ini diterajui bersama oleh Bank Simpanan Nasional (BSN), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan MCMC.

Selain itu, dalam usaha untuk menangani masalah scam yang semakin berleluasa, MCMC akan bekerjasama dalam pengukuhan peranan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) yang telah dibangunkan dan membabitkan usaha sama antara pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), MCMC serta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC).

Segala usaha bagi memperkuuhkan ekosistem digital dalam negara memerlukan perancangan dan kerjasama padu dari semua pihak dan MCMC akan terus menyokong segala usaha dalam merealisasikan hasrat Kerajaan dalam memacu ekonomi digital negara. Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, semua inisiatif ini dilaksanakan demi memastikan rakyat dan negara sentiasa bersedia untuk mendepani cabaran ekonomi semasa secara keseluruhan.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV